A

THEE WEE KIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SABIRIN JA'AFAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: MTJ (2) 41H-07-04-2014]
31 DISEMBER 2014

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 323 – Menyebabkan kecederaan dengan sengaja ke atas seorang anggota polis – Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap – Permohonan peringanan hukuman – Faktor-faktor peringan – Sama ada hukuman penjara panjang sesuai – Sama ada hukuman satu hari penjara memadai – Sama ada rayuan dibenarkan*

C

PROSEDUR JENAYAH*: Hukuman – Rayuan terhadap – Permohonan peringanan hukuman – Faktor-faktor peringan – Sama ada hukuman penjara panjang sesuai – Sama ada hukuman satu hari penjara memadai – Sama ada rayuan dibenarkan*

D

Tertuduh telah dibawa ke balai polis untuk disoal siasat atas syak jenayah yang tidak dinyatakan. Semasa soal siasat, tertuduh telah bertindak menyerang seorang anggota polis. Dengan itu, perayu telah dituduh menyebabkan kecederaan dengan sengaja di bawah s. 323 Kanun Keseksaan

E

dan telah disabitkan di bawah kesalahan tersebut di Mahkamah Majistret. Perayu telah dijatuhkan hukuman lima bulan penjara dari tarikh sabitan dan denda RM1,000 jika gagal dibayar akan dipenjara selama enam bulan. Perayu terkilan dengan keputusan Majistret dan merayu ke Mahkamah Tinggi untuk peringanan hukuman.

F

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan perintah Mahkamah Majistret):

(1) Daripada apa yang telah digarapkan, suatu provokasi atau deraan telah dilakukan ke atas tertuduh sama ada secara fizikal atau oral sehingga dia bertindak sebegitu nekad dan di luar kawalan ke atas seorang anggota

G

polis di dalam balai polis sehingga terpaksa dileraikan oleh anggota-anggota polis lain. Tertuduh telah melakukan suatu perbuatan yang melulu tanpa memikirkan akibat perbuatan itu kepada dirinya dan kepada orang lain. (perenggan 8 & 9)

H

(2) Hukuman penjara yang panjang tidaklah sesuai untuk pertuduhan di bawah s. 323 Kanun Keseksaan. Pertimbangan telah diberikan atas faktor-faktor peringanan hukuman oleh perayu seperti pesalah pertama, bekerja menanggung ibu bapa dan bentuk kesalahan yang dilakukan. Bentuk kesalahan pula diteliti dengan membandingkan kemunasabahan dan keunikan perbuatan itu dengan kecederaan yang dialami mangsa

I

iaitu seorang anggota polis yang sedang bertugas dalam balai polis. Perayu telah menjalani hukuman selama tujuh hari sebelum mendapat

penangguhan perlaksanaan hukumannya atas jaminan. Hukuman satu hari penjara adalah memadai kerana ia akan direkodkan sebagai satu sabitan jenayah. (perenggan 12)

(3) Bersabit dengan hukuman denda pula, mahkamah ini tersilap apabila menaikkan hukuman denda daripada RM1,000 hingga ke RM5,000. Hukuman denda maksima di bawah s. 323 Kanun Keseksaan adalah RM2,000. (perenggan 13)

Kes-kes yang dirujuk:
Goh Siew Wah v. PP [2003] 8 CLJ 175 HC ***(dirujuk)***
Raja Izzuddin Shah v. PP [1978] 1 LNS 165 HC ***(dirujuk)***
Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor v. PP [2001] 4 CLJ 9 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 323

Bagi pihak pendakwaan - Mahadir Abdul Jumaat; TPR
Bagi pihak perayu - Anwar Raof; T/n Anwar Raof & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Sabirin Ja'afar PK:

Pendahuluan

[1] Thee Wee Kin ('perayu') telah dituduh di bawah s. 323 Kanun Keseksaan dan telah disabitkan di bawah kesalahan tersebut di Mahkamah Majistret Jenayah, Johor Bahru pada 9 Mac 2014. Perayu telah dijatuhi hukuman lima bulan penjara dari tarikh sabitan dan denda satu ribu ringgit (RM1,000), jika ianya gagal dibayar akan dipenjara selama enam bulan.

[2] Perayu terkilan dengan keputusan Majistret yang bijaksana dan merayu ke Mahkamah Tinggi untuk peringanan hukuman.

Pertuduhan

[3] Pertuduhan asal di Mahkamah Majistret Jenayah Johor Bahru dizahirkan semula dalam bentuk asalnya seperti di bawah:

> Bahawa kamu, pada 03/03/2014 jam lebih kurang 05.00 petang, bertempat di Pejabat Cawangan Risikan dan Operasi Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya, dalam Daerah Kulaijaya, di dalam Negeri Johor, telah didapati dengan sengaja menyebabkan cedera kepada Gurdial Singh a/l Pritam Singh, No K/P RF/90712. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

[4] Dalam menelusuri fakta kes ini mahkamah ini tidak menemui sesuatu isu yang baru. Penghujahan bertulis dan lisan yang dikemukakan oleh pihak perayu dan pihak responden adalah penghujahan lazim untuk prosiding rayuan atas hukuman.

A **Keputusan Rayuan**

[5] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan ke atas hukuman, mengenepikan perintah Mahkamah Majistret dan menggantikannya kepada hukuman satu hari penjara dan denda RM5,000 dan jika ianya tidak dilunaskan akan dipenjara enam bulan.

B

[6] Saya mendapati daripada autoriti-autoriti terdahulu hukuman penjara yang panjang bukanlah hukuman yang lazim dijatuhi untuk kesalahan jenayah yang ringan seperti kes ini. Antara kes duluan yang ditilik sebagai panduan ialah, *Raja Izzuddin Shah v. PP* [1978] 1 LNS 165 (seorang kerabat raja di Perak telah dihukum ikat jamin atas kesalahan memukul seorang anggota polis yang sedang bertugas); *Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor v. PP* [2001] 4 CLJ 9 (seorang Ketua Polis Negara dihukum penjara tiga bulan atas kesalahan memukul seorang tahanan dalam keadaan bergari); *Goh Siew Wah v. PP* [2003] 8 CLJ 175 (bapa seorang murid didenda RM1,000 atas kesalahan menampar seorang guru sekolah yang telah merotan anaknya).

C

D

[7] Dalam kes ini, fakta kes menunjukkan tertuduh telah dibawa ke balai polis bersama-sama dua orang yang lain untuk soal siasat atas syak jenayah yang tidak dinyatakan. Semasa soal siasat tertuduh telah bertindak menyerang seorang anggota polis bernama Gurdial Singh. Sebab mengapa tertuduh tiba-tiba bertindak sedemikian juga tidak dinyatakan.

E

[8] Walaupun tidak dinyatakan dalam fakta kes yang diakui perayu, daripada apa yang boleh digarapkan, saya berpendapat suatu provokasi atau deraan telah dilakukan ke atas tertuduh sama ada secara fizikal atau oral sehingga dia bertindak sebegitu nekad dan di luar kawalan ke atas seorang anggota polis di dalam balai polis sehingga terpaksa dileraikan oleh anggota-anggota polis lain.

F

[9] Tuan Majistret yang bijaksana dalam alasan keputusannya (ms. 11 rekod rayuan) menyatakan tertuduh telah bertindak "berani" kerana melakukan perbuatan tersebut dalam balai polis. Perbuatan ini, menurut Majistret yang bijaksana tersebut, perlu diberi hukuman berbentuk pengajaran atas kepentingan awam. Pada hemat saya, penggunaan perkataan "berani" tidaklah tepat di sini. Barangkali, perkataan yang lebih sesuai ialah "melulu" atau "nekad", yakni, tertuduh telah melakukan suatu perbuatan yang melulu tanpa memikirkan akibat perbuatan itu kepada dirinya dan kepada orang lain.

G

H

[10] Saya tidak sependapat dengan Majistret yang bijaksana itu dalam perkara ini.

[11] Tertuduh telah menuruti arahan untuk ke balai polis tanpa sebarang masalah ketika ditangkap bersama-sama dua orang lain. Jika tertuduh menentang tangkapan polis ke atasnya dalam sebarang bentuk fizikal atau oral semasa itu saya rasa ia boleh diambil sebagai satu sifat penentangan atau sifat ganas yang sememangnya ada dalam diri tertuduh.

I

[12] Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, hukuman penjara yang panjang tidaklah sesuai untuk pertuduhan di bawah s. 323 Kanun Keseksaan. Saya telah memberi pertimbangan atas faktor-faktor peringanan hukuman oleh perayu seperti pesalah pertama, bekerja menanggung ibu bapa dan bentuk kesalahan yang dilakukan. Bentuk kesalahan itu pula diteliti dengan membandingkan kemunasabahan dan keunikan perbuatan itu dengan kecederaan yang dialami mangsa iaitu seorang anggota polis yang sedang bertugas dalam balai polis. Satu lagi pertimbangan ialah perayu telah menjalani hukuman selama tujuh hari sebelum mendapat penangguhan perlaksanaan hukumannya atas jaminan. Atas pertimbangan-pertimbangan itu saya memutuskan bahawa hukuman satu hari penjara adalah memadai kerana ia akan direkodkan sebagai satu sabitan jenayah. Ianya akan menjadi satu hukuman yang berkekalan kepada tertuduh.

[13] Bersabit dengan hukuman denda pula, adalah diakui saya telah tersilap apabila menaikkan hukuman denda daripada RM1,000 ke RM5,000. Hukuman denda maksima di bawah s. 323 Kanun Keseksaan ialah RM2,000. Kesilapan ini perlu diperbetulkan.